

**KESEDIAAN GURU DALAM PELAKSANAAN
PENTAKSIRAN UJIAN LISAN BERASASKAN SEKOLAH
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA
MALAYSIA**

**NUR FADHILAH EMIK ABDULLAH
@DARISNA EMIK**



PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN & PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

**KESEDIAAN GURU DALAM PELAKSANAAN
PENTAKSIRAN UJIAN LISAN BERASASKAN SEKOLAH
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA
MALAYSIA**

**NUR FADHILAH EMIK ABDULLAH
@DARISNA EMIK**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN & PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

PERAKUAN

Disertasi yang bertajuk "Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Malaysia (ULBS)" dikemukakan oleh Nur Fadhilah Emik Abdullah @ Darisna Emik sebagai memenuhi sebahagian syarat memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh,

(PROF.MADYA DR.SALLEH ABD.RASHID)
Penyelia Disertasi,
Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial,
Universiti Malaysia Sabah.


PENGAKUAN

Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

28 November 2008


NUR FADHLAH EMIK ABDULLAH
@ DARISNA EMIK

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Bersyukur ke-hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-NYA, saya dapat merealisasikan kajian yang bertajuk " Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Ujian Lisan Berasaskan Sekolah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia".

Pada kesempatan ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof.Madya Dr.Salleh Abd.Rashid selaku pensyarah dan penyelia disertasi yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar saya sejak semester pertama hinggalah kajian ini disempurnakan.

Ucapan penghargaan juga ditujukan khas kepada semua pensyarah SPPS UMS iaitu Prof. Dr.Zulkifli Mohamad, Prof.Madya Dr.Yusof Abdullah, Prof.Madya Dr.Naimah Yusof, Mejar Prof. Madya Dr.Hamzah, Dr.Mohd.Zaki, Dr.Sabariah, Dr.Lay Yun Fah, dan Prof.Dr.Mohd.Adam Bakar. Terima kasih atas segala tunjuk ajar dan ilmu yang dicurahkan kepada saya.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pengendalian kajian ini iaitu KPM, JPN, PPG, En.Noordin Zainal Abidin (DBP) dan para responden yang sudi meluangkan masa menjawab soal selidik sebagai memenuhi tuntutan kajian ini.

Sekalung penghargaan juga kepada Pengetua SMK Inanam dan 'Sifu-sifu" yang banyak menghulurkan bantuan sepanjang penghasilan kajian ini iaitu Pn.Rohani, En.Norman, Pn.Khuzafah, Pn. Siti Mardziah dan En.Khairuddin Abdullah. Kepada teman-teman rapatku Siti Rashidah, Sitiamah, Mainie, Noor Aini dan rakan-rakan sekuliahku. Terima kasih atas sokongan kalian.

Akhir sekali tidak sesekali dilupakan penghargaan teristimewa buat anak-anak permata hatiku Ahmad Farhan Shah, Bibie Nur Syafiqah, Bibie Nur Syahirah dan Ahmad Danish Shah. Sesungguhnya kalianlah penyuntik semangat, penyejuk dan pengubat hati mama. Juga kepada ayah tersayang Emik Matajim dan arwah mama tercinta Enyuk Angkih serta kepada semua abang, kakak dan adik-adikku. Terima kasih atas limpahan kasih sayang, pengertian dan sokongan moral yang kalian hulurkan buatku.

Salam untuk semua. Yakin Boleh!
27 November 2008

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesediaan guru dalam pelaksanaan Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS) di sekolah menengah daerah Kota Kinabalu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan kesediaan guru berdasarkan pengalaman mengajar, kategori perkhidmatan dan bidang opsyen guru. Selain itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh pengetahuan dan kaedah pengajaran guru dalam pelaksanaan ULBS. Kajian ini dijalankan terhadap guru-guru yang mengajar bahasa Malaysia dalam tingkatan 4 dan 5 ($n=72$) di sebelas buah sekolah menengah daerah Kota Kinabalu. Data diperoleh melalui soal selidik. Indeks kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* untuk pengetahuan (.892), kaedah pengajaran (.872) dan pelaksanaan ULBS (.816) adalah memuaskan. Kajian ini menggunakan statistik deskriptif (peratus, min dan sisihan piawai) serta statistik inferensi (Ujian-t, ANOVA sehala, Korelasi Pearson 'r' dan Regresi Linear). Data kajian diproses menggunakan *SPSS Versi 15.0*. Dapatan utama kajian menunjukkan tidak wujud perbezaan min yang signifikan dari aspek pengalaman mengajar ($F(3,68)=.596, p>0.05$) kategori perkhidmatan [$t(70)=.268, p>0.05$] dan bidang opsyen guru [$t(70)=-.949, p>0.05$]. Kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru [$r(72)=.825; p<0.05$] dan kaedah pengajaran guru [$r(72)=.706; p<0.05$] dalam pelaksanaan ULBS. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan antara pengetahuan guru ($\beta = .825, t = 12.216, p<0.05$) dan kaedah pengajaran guru ($\beta = .706, t = 8.344, p<0.05$) dalam pelaksanaan ULBS. Secara keseluruhannya faktor yang paling mempengaruhi guru dalam pelaksanaan ULBS adalah penguasaan pengetahuan (68.1%, $R^2 = .681$) berbanding faktor kaedah pengajaran guru (0.05%, $R^2 = .05$).

ABSTRACT

TEACHERS' READINESS IN IMPLEMENTING SCHOOL BASED ORAL ASSESSMENT (ULBS) IN BAHASA MALAYSIA TEACHING AND LEARNING

The aim of this study is to identify teachers' readiness in School Based Oral Assessment (ULBS) implementation in secondary school in Kota Kinabalu. The study aims to identify the differences in teachers' readiness based on teachers' teaching experience, service category and options. Apart from that, this study also aims at identifying the relationship and influence of knowledge and teachers' teaching method in the ULBS implementation. The study was carried out on teachers teaching Bahasa Malaysia in form 4 and 5 (n=72) with eleven secondary schools in Kota Kinabalu. Data was acquired through the use of questionnaires. Validity index Cronbach's Alpha for knowledge (0.892), teaching method (.872) and ULBS implementation (.816) was satisfactory. This study used descriptive statistics (percentage, mean and standard deviation) as well as inference statistics (t-test, one way ANOVA, Pearson 'r', Correlation and Linear Regression). Data was analyzed using SPSS 15.0 version. The main finding showed that there is no significant difference in mean from the aspect of teaching experiences ($F(3.68) = .596, p > 0.05$) service category ($t(70) = .268, p > 0.05$) and teachers' option ($t(70) = .949, p > 0.05$). This study discovered significant relationship between teachers' knowledge ($r(72) = .825, p < 0.05$) and teachers teaching method ($r(72) = .706, p < 0.05$) in the ULBS implementation. The finding also showed significant influence on teachers' knowledge ($\beta = .825, t = 12.216, p < 0.05$) and teachers' teaching method ($\beta = .706, t = 8.344, p < 0.05$) in the ULBS implantation. As a whole, the main factor influencing teachers in the ULBS implementation is knowledge (68.1%, $R^2 = .681$) compared to teachers' teaching method (0.05%, $R^2 = .05$).

SINGKATAN

ULBS	= Ujian Lisan Berasaskan Sekolah
LPM	= Lembaga Peperiksaan Malaysia
PPK	= Pusat Perkembangan Kurikulum
KPM	= Kementerian Pelajaran Malaysia
PPG	= Pejabat Pelajaran Gabungan
KPS	= Ketua Pentaksir Sekolah
KPK	= Ketua Pentaksir Kebangsaan
KPKw	= Ketua Pentaksir Kawasan
PSV	= Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan
PPSMI	= Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
PKS	= Penilaian Kendalian Sekolah



SENARAI JADUAL

JADUAL			MUKA SURAT
Jadual	3.1	Taburan Soal Selidik	36
Jadual	3.2	Nilai Koefisien Kebolehpercayaan Kajian Rintis	38
Jadual	3.3	Carta Gantt Prosedur Kajian	41
Jadual	3.4	Skor Min Bagi tahap Kesediaan Guru	43
Jadual	3.5	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	46
Jadual	3.6	Alat Statistik Yang Digunakan Mengikut Skala Pengukuran	48
Jadual	4.1	Taburan Responden Mengikut Sekolah	51
Jadual	4.2	Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	52
Jadual	4.3	Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	52
Jadual	4.4	Taburan Responden Berdasarkan Bidang Opsyen	53
Jadual	4.5	Perbezaan kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS dari Aspek Pengalaman Mengajar	54
Jadual	4.6	Perbezaan kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS dari Aspek Kategori Perkhidmatan	55
Jadual	4.7	Perbezaan kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS dari Aspek Bidang Opsyen	55

Jadual	4.8	Hubungan Antara Kesiediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS dari Aspek Pengetahuan dan Kaedah Pengajaran Guru	56
Jadual	4.9	Pengaruh Pengetahuan Terhadap Kesiediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS	57
Jadual	4.10	Pengaruh Kaedah Pengajaran Terhadap Kesiediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS	58
Jadual	4.11	Faktor Paling Mempengaruhi Kesiediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS	58
Jadual	4.12	Dapatan Hipotesis Kajian	59



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

RAJAH

MUKASURAT

Rajah 2.1	Model Soal Jawab	21
Rajah 2.2	Model Berkomunikasi Sehala	22
Rajah 2.3	Model Berkomunikasi Dengan Penggalak	23
Rajah 2.4	Model Komunikasi Dua Hala	23
Rajah 2.5	Model Berkomunikasi Sesama Mereka	24
Rajah 2.6	Kerangka Konseptual kajian	30
Rajah 2.7	Kerangka Konseptual kajian	78
Rajah 2.8	Model Konseptual ULBS (Dapatan)	79



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

TAJUK	
PENGAKUAN	
PENGHARGAAN	
ABSTRAK	
ABSTRACT	
SINGKATAN	
SENARAI JADUAL	
SENARAI RAJAH	
KANDUNGAN	

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Soalan kajian	6
1.5	Tujuan Kajian	7
1.6	Objektif kajian	7
1.7	Kepentingan kajian	8
1.8	Hipotesis kajian	9
1.9	Definis Operasional	10
1.9.1	Ujian Lisan Berasaskan Sekolah	10
1.9.2	Pentaksiran	10
1.9.3	Pentaksir Sekolah	10
1.9.4	Kesediaan Guru	11
1.9.5	Pengetahuan Guru	11
1.9.6	Pelaksanaan ULBS	11
1.10	Batasan Kajian	12
1.11	Penutup	12

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	13
2.2	Definisi konsep	13
2.2.1	Pelaksanaan	13
2.2.2	Konsep Ujian Lisan Berasaskan Sekolah	14
2.2.3	Pentaksiran	15
2.2.4	Pentaksir	16

2.2.5	Kesediaan Guru	16
2.2.6	Pelaksanaan ULBS	17
2.3	Teori Yang Digunakan	17
2.3.1	Teori Sosiokonstruktivisme	18
2.3.2	Teori Behaviourisme	19
2.3.3	Model	20
2.4	Kajian Lepas	24
2.5	Kerangka Konseptual	30
2.6	Penutup	31

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	32
3.2	Reka Bentuk Kajian	32
3.3	Populasi dan Sampel	33
3.4	Instrumen	34
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	37
3.6	Kajian Rintis	37
3.7	Prosedur Kajian	40
3.8	Penganalisan Data	43
3.8.1	Statistik Deskriptif	43
3.8.2	Statistik inferensi	44
3.8.2.1	Analisis Varian (ANOVA Sehalu)	44
3.8.2.2	Ujian -t	44
3.8.2.3	Ujian Korelasi Pearson 'r'	45
3.8.2.4	Ujian Regresi Pelbagai	46
3.8.3	Skala Pengukuran Hipotesis Kajian	47
3.9	Penutup	49

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	50
4.2	Ciri-ciri Demografi Responden	51
4.2.1	Pengalaman Mengajar	51
4.2.2	Kategori Perkhidmatan	52
4.2.3	Bidang Opsyen	52
4.3	Perbezaan Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS Dari Aspek Pengalaman Mengajar.	53
4.4	Perbezaan Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS Dari Aspek Kategori Perkhidmatan.	54
4.5	Perbezaan Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS Dari Aspek Bidang Opsyen	55

4.6	Hubungan Antara Kesediaan Dalam Pelaksanaan ULBS Dengan Aspek Pengetahuan dan kaedah Pengajaran Guru	56
4.7	Pengaruh Pengetahuan Terhadap Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS	56
4.8	Pengaruh Kaedah Pengajaran Terhadap Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS	57
4.9	Faktor Paling Mempengaruhi Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS	58
4.10	Ringkasan Analisis	59
4.11	Penutup	61

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	63
5.2	Rumusan	63
5.3	Perbincangan Dapatkan kajian	64
5.3.1	Perbezaan Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS Dari Aspek Pengalaman Mengajar, Kategori Perkhidmatan dan Bidang Opsyen	64
5.3.2	Hubungan Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan ULBS Dari Aspek Pengetahuan dan Kaedah Pengajaran	66
5.3.3	Pengaruh kesediaan guru dalam Pelaksanaan ULBS Dari Aspek Pengetahuan dan Kaedah Pengajaran	68
5.3.4	Faktor Paling Mempengaruhi Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan ULBS	70
5.4	Implikasi Terhadap Pelaksanaan ULBS Bahasa Malaysia	73
5.5	Implikasi Kajian Terhadap Penyelidikan	74
5.6	Implikasi Kajian Terhadap Teori, Model dan Konseptual Kajian	75
5.7	Implikasi Kajian Kepada Pengalaman	80
5.8	Cadangan	81
5.9	Kesimpulan	84

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

LAMPIRAN A : Soal Selidik Kajian

LAMPIRAN B-D : Kebenaran Menjalankan Penyelidikan

LAMPIRAN E : Pengesahan Validiti Instrument Kajian

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kemahiran lisan merupakan satu aspek dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa yang amat penting dan utama. Kemahiran asas ini perlu dikuasai oleh seseorang murid sebelum mempelajari kemahiran-kemahiran lain seperti membaca dan menulis. Murid yang dapat menguasai kemahiran lisannya dengan baik dijangka dapat menguasai kemahiran-kemahiran lain dengan sempurna.

“Perkembangan bahasa Malaysia bukan setakat sebagai bahasa untuk berkomunikasi tetapi berperanan sebagai bahasa ilmu pengetahuan yang berkemampuan mengungkapkan konsep dan pemikiran yang maju serta bersifat abstrak, intelek dan formal”

(Normah Abdullah dan Mat Nor Hussin, 1995:294)

Bagi meningkatkan keupayaan murid berinteraksi, guru bertanggungjawab menggalakkan murid berkomunikasi di dalam kelas. Ini perlu dilakukan kerana masih ramai murid yang kurang mampu bercakap dengan menggunakan bahasa dalam bentuk yang sempurna. Kelemahan murid berbahasa ditakuti akan menyebabkan mereka merasa tidak yakin kepada diri sendiri dan menyisihkan diri daripada rakan-rakan dan guru. Hal ini akan menjejaskan prestasi mereka, bukan sahaja dalam mata pelajaran bahasa lisan tetapi juga memberi kesan kepada mata-mata pelajaran yang lain.

Tegasnya, kebolehan untuk memahami dan memproses maklumat yang didengari serta kebolehan bertutur dengan lancar dapat mempengaruhi perkembangan seseorang

individu. Sehubungan itu mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris telah bersetuju untuk mengubah ujian lisan peperiksaan SPM 2003 berdasarkan kertas cadangan yang dikemukakan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia. Ujian tersebut dikenali sebagai Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS). ULBS ini diharap dapat melahirkan murid yang yang trampil bertutur dengan lebih baik dan sesuai dalam situasi yang pelbagai. Selain itu ULBS memastikan pelaksanaan pentaksiran dikendalikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah secara berterusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pentaksiran ULBS ini berpandukan kepada rasional terhadap beberapa kelemahan ujian lisan semasa yang dianggap bersifat artifisial (dibuat-buat)(dalam Manual ULBS terbitan LPM 2002). Tidak autentik, yang mana kebolehan sebenar murid dalam berlisian tidak dapat ditaksir sepenuhnya. Tambahan pula masa yang diperuntukkan tidak mencukupi, tumpuan berlisian hanyalah untuk peperiksaan dan tidak kepada penguasaan kemahiran lisan sepenuhnya. Ujian lisan yang sedia ada tidak menggalakkan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, di samping satu pihak pentaksir sahaja yang mentaksir seseorang murid.

Sehubungan dengan itu pada tahun 2003 berdasarkan kertas cadangan yang dikemukakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, maka pentaksiran ULBS format baru telah diperkenalkan. ULBS format baru yang dicadangkan bersifat autentik, menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pentaksiran juga berterusan dari tingkatan empat hingga tingkatan lima. Kurikulum ini juga menepati kehendak dan keperluan sukatan pelajaran yang

mana lebih daripada satu kemahiran lisan dapat ditaksir, lebih daripada satu pihak pentaksir yang akan mentaksir kemahiran lisan seseorang murid. Pentaksir ialah orang yang paling hampir dengan murid dan mengetahui kemampuan sebenar kemahiran lisan seseorang murid itu.

Konsep ULBS ini dijalankan oleh pihak sekolah dengan kawalan langsung oleh LPM. Pentaksir ujian ialah guru yang mengajar Bahasa Malaysia di tingkatan empat dan lima dan dijalankan berterusan. ULBS ditaksir pencapaian dan penguasaan bertutur dalam pelbagai aktiviti lisan yang mencakupi individu dan kumpulan. Kesahan dan kebolehpercayaan sesuai dengan konsep *"assessment off better learning"*.

Pelaksanaan aktiviti lisan berbeza dalam setiap pentaksiran. Pentaksiran berasaskan dua model yang berbeza iaitu model untuk aktiviti individu dan model untuk aktiviti kumpulan atau berpasangan. ULBS dijalankan secara formal atau tidak formal iaitu semasa pengajaran dan pembelajaran atau ketika kegiatan kokurikulum. Murid juga akan dimaklumkan bila mereka akan ditaksir.

Rentetan daripada pelaksanaan ULBS format baru ini timbul beberapa masalah dan rungutan daripada pihak pelaksana iaitu para guru yang dipanggil pentaksir. Antara masalah yang ditimbulkan ialah adakah guru bersedia dalam melaksanakan pentaksiran ULBS ini? Adakah pengetahuan guru mencukupi untuk kelancaran pelaksanaan ULBS ini? Adakah pengalaman, serta kaedah pengajaran dan pembelajaran guru membantu dalam melancarkan pentaksiran ULBS ini? Dan bagaimana pula dengan guru-guru yang melaksanakan ULBS sedangkan bukan opsyen mereka. Semua perkara ini amat penting, kerana kelancaran program ini berkait rapat dengan dengan pihak pelaksana iaitu guru-guru.

Oleh hal yang demikian maka kajian ini dibuat untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS di sekolah-sekolah. Ini kerana kesediaan guru akan mempengaruhi kelancaran program ini ke arah mencapai matlamat yang dihasratkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada tahun 2003, Pusat Perkembangan Kurikulum bersetuju mengubah ujian lisan dalam peringkat Sijil Pelajaran Malaysia kerana secara rasionalnya ujian lisan semasa yang dilaksanakan sebelum itu mempunyai banyak kelemahan. Ujian lisan semasa tidak dapat mencapai objektif untuk melahirkan murid yang trampil bertutur dengan baik dan sesuai dalam situasi yang pelbagai.

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, kelemahan Ujian Lisan Semasa bersifat artifisial (dibuat-buat) kerana dalam masa lebih kurang sepuluh minit kemahiran lisan murid akan ditaksir hanya berdasarkan hujahan tentang satu pernyataan yang diberi. Di samping itu tidak bersifat autentik iaitu kebolehan sebenar murid berlisian tidak ditaksir dengan sepenuhnya. Masa yang diberi tidak mencukupi untuk mentaksir kemahiran dan kemampuan sebenar murid berlisian kemahiran berlisian yang menjadi tumpuan ialah kebolehan berhujah berdasarkan soalan-soalan berkaitan pernyataan yang diberi. Tumpuan berlisian hanyalah untuk peperiksaan sahaja dan tidak kepada penguasaan kemahiran lisan sepenuhnya. Ujian lisan yang sedia ada tidak menggalakkan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan hanya seorang pentaksir sahaja yang mentaksir seseorang murid.

Ekoran itulah ULBS format baru diperkenalkan berdasarkan asas-asas pertimbangan dari sudut kesahan, kebolehlaksanaan, penjaminan kualiti serta

keserasian dengan kehendak kurikulum. Dari aspek kesahan sesuatu pentaksiran itu melibatkan dua perkara iaitu kesesuaian (*relevancy*) dan cakupan (*representativeness*) perkara yang ditaksir. Format ULBS ini mencakupi keseluruhan aspek dan kemahiran lisan yang dipelajari oleh murid di tingkatan empat dan lima. Dari sudut kebolehlaksanaan ULBS ini sangat sesuai dengan prinsip bahawa guru yang mengajar murid mengetahui tahap penguasaan berlisani murid. Dari aspek penjaminan kualiti pula ULBS ini telah mengambil kira keperluan pentaksiran yang berperanan sebagai mekanisme untuk memastikan bukan sahaja semua yang diharapkan dalam kurikulum mata pelajaran ini dilaksanakan tetapi juga menepati tahap kualiti yang dihasratkan. Akhir sekali dari sudut keserasian dengan kehendak kurikulum, format ULBS yang dicadangkan ini juga mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ingin diperkembangkan dalam mata pelajaran bahasa khususnya dalam kemahiran berlisani pada tahap sekolah menengah atas.

Menurut Abdullah dan Ainon (2000), kualiti komunikasi bukan sekadar pandai bercakap, kerana kegiatan ini bukanlah kegiatan seorang tetapi kegiatan dua atau lebih individu. Berdasarkan senario ini maka terdapat banyak masalah pada pihak guru-guru selaku pentaksir ULBS di sekolah akibat tahap pemahaman yang kurang tentang pelaksanaan ULBS. Menurut Palunus Tesim (2006), dari segi kefahaman aspek format ULBS, berlaku masalah seperti bilangan pentaksiran tidak mencukupi, kesesuaian peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran, ahli jawatankuasa yang tidak jelas dan sebagainya. Demikian juga dari aspek penguasaan kriteria penskoran ULBS, berlaku masalah seperti pengisian borang profil individu yang tidak lengkap dan salah faham terhadap konstruk penskoran ULBS. Dari aspek kecekapan pemilihan aktiviti pentaksiran,

berlaku kesilapan, contohnya dari segi kesesuaian jenis aktiviti, model aktiviti dan peraturan melaksanakan aktiviti.

Berdasarkan senario kelemahan berbahasa penutur bahasa Malaysia serta situasi pelaksanaan ULBS di sekolah yang mengalami banyak masalah, menimbulkan andaian bahawa kurangnya pengetahuan guru bahasa Malaysia terhadap teknik dan prosedur pentaksiran ULBS dikaitkan dengan masalah kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS. Demikian juga halnya dalam kaedah pengajaran yang tidak sesuai atau selaras dengan peraturan pelaksanaan ULBS menyokong andaian tersebut. Oleh yang demikian kajian kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia perlu diketahui. Pengaruh pengetahuan dan kaedah pengajaran guru akan memberi kesan sama ada pelaksanaan ULBS berjalan lancar dan mengikut peraturan atau sebaliknya.

1.4 Soalan kajian

Berdasarkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang telah dikemukakan, beberapa soalan kajian telah dibentuk:

- (i)** Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS dari aspek pengalaman mengajar?
- (ii)** Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS dari aspek kategori perkhidmatan?
- (iii)** Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS dari aspek bidang opsyen?
- (iv)** Adakah terdapat hubungan yang signifikan kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS dari aspek pengetahuan guru?

- (v) Adakah terdapat hubungan yang signifikan kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS dari aspek kaedah pengajaran guru?
- (vi) Adakah terdapat pengaruh kaedah pengajaran guru terhadap kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS?
- (vii) Adakah terdapat pengaruh pengetahuan terhadap kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS?
- (viii) Apakah faktor yang paling mempengaruhi kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS?

1.5 Tujuan kajian

Kajian mengenai pelaksanaan ULBS ini kurang dijalankan. Kajian ini merupakan satu kajian untuk mendapat gambaran tentang pelaksanaan ULBS dari aspek kesediaan guru berdasarkan pengalaman mengajar, kategori, bidang opsyen serta pengaruh pengetahuan dan juga kaedah pengajaran guru. Semua perkara ini amat penting dalam melicinkan pelaksanaan ULBS. Selain itu dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaan ULBS oleh guru-guru bahasa Malaysia. Kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah menyusun dan menjalankan pengurusan ULBS yang lebih baik agar pelaksanaan ULBS berjalan dengan lancar dan mencapai objektif seperti yang dihasratkan oleh PPK.

1.6 Objektif kajian

Secara umumnya kajian ini adalah untuk:

- (i) Mengenal pasti perbezaan kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS dari aspek pengalaman mengajar.

- (ii) Mengenal pasti perbezaan kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS dari aspek kategori perkhidmatan.
- (iii) Mengenal pasti perbezaan kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS dari aspek bidang opsyen.
- (iv) Mengenal pasti hubungan antara pelaksanaan ULBS dengan pengetahuan guru.
- (v) Mengenal pasti hubungan antara pelaksanaan ULBS dengan kaedah pengajaran guru.
- (vi) Melihat pengaruh kaedah pengajaran guru terhadap kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS.
- (vii) Melihat pengaruh pengetahuan terhadap kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS.
- (viii) Mengenal pasti faktor yang paling mempengaruhi kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS.
- (ix) Mencadangkan satu teori konseptual dalam pelaksanaan ULBS.

1.7 Kepentingan kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk memberikan gambaran tentang senario sebenar yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam mengendalikan pentaksiran dan masalah para pentaksir sekolah dalam pelaksanaan ULBS. Secara langsung kajian ini memaparkan harapan, kehendak dan keinginan semua pihak tersebut terhadap apa-apa yang sepatutnya diaplikasikan dalam pemantapan program ULBS.

Maklumat dari kajian ini, diharap akan dapat membantu pihak Ketua Bidang di Sektor Pengurusan Awam dalam melicinkan pelaksanaan ULBS dari aspek mesyuarat dan latihan atau kursus kepada guru-guru pentaksir. Pada peringkat sekolah pula maklumat kajian ini dapat membantu pengurusan sekolah iaitu Penolong Kanan

Pentadbiran, Ketua Bidang Bahasa, Ketua Panitia Bahasa Malaysia dan Ketua Pentaksir Sekolah, dalam menyusun dan melaksanakan pentaksiran ULBS kepada semua calon SPM yang berada dalam tingkatan 4 dan 5. Selain itu dapatan kajian juga penting kepada semua pihak terutama penyelidik sebagai landasan kajian lanjutan yang berkaitan dengan pelaksanaan ULBS pada peringkat SPM.

1.8 Hipotesis Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab 8 hipotesis nul yang berikut:

H₀1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS dari aspek pengalaman mengajar.

H₀2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS dari aspek kategori perkhidmatan.

H₀3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS dari aspek bidang opsyen.

H₀4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan ULBS dengan pengetahuan guru.

H₀5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan ULBS dengan kaedah pengajaran guru.

H₀6 Tidak terdapat pengaruh kaedah pengajaran guru terhadap kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS.

H₀7

Tidak terdapat pengaruh pengetahuan terhadap kesediaan guru dalam pelaksanaan ULBS.